



فليتا بروني
PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.05 | SUBUH 5.15 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.34 | ASAR 3.55 | MAGHRIB 6.30 | ISYAK 7.42 | Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 12

27 JANUARI 2025 / 1446 ربیع 27

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI REPUBLIK INDIA KE-76



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Puan Yang Terutama Droupadi Murmu dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Puan Yang

Terutama Droupadi Murmu dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi dan kerajaan serta rakyat Republik India bersempena dengan Hari Republik India yang Ke-76.

Tingkatkan pemahaman mengenai kepentingan program STEAM

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

SENGKURONG, Sabtu, 25 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) hari ini meneruskan sesi Pemberigaan Program - program Pusat STEP 2025 bagi seramai 52 orang pemimpin sekolah serta wakil daripada sekolah rendah, menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) dari Kluster 3 di bawah Kementerian Pendidikan.

Sesi yang diadakan di PTE Sengkurong itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pusat STEP, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim, yang antara lain menjelaskan mengenai Science, Technology, Engineering, Arts, and Mathematics (STEAM) sebagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

>> Muka 10

Munajat Khas bersempena Sambutan Hari Kastam Antarabangsa 2025

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

MADANG, Sabtu, 25 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Kementerian Kewangan dan Ekonomi menganjurkan Munajat Khas bagi kali ke-170 yang diadakan bersempena Sambutan Hari Kastam Antarabangsa Tahun 2025.

Sambutan Hari Kastam Antarabangsa diadakan pada setiap 26 Januari dan tema sambutan pada tahun ini adalah 'Kastam Menunaikan Komitmennya Terhadap Kecekapan, Keselamatan, dan Kemakmuran'.

>> Muka 3

Pelaksana undang-undang perlu peka, berinisiatif cegah jenayah daripada berleluasa

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Sepanjang tahun 2024 terdapat beberapa peningkatan kes-kes kesalahan jenayah yang telah didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah khususnya bagi kes-kes kesalahan jenayah di bawah Akta Majlis Ugama Islam, yang mana kes tertinggi adalah merupakan kes persetubuhan haram

sebanyak 46 kes pada tahun 2024 berbanding tahun 2023 sebanyak 35 kes.

Manakala kes tertinggi di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217 pula adalah kes perceraian di luar mahkamah tanpa kebenaran, iaitu sebanyak 122 kes pada tahun 2024 berbanding pada tahun 2023 sebanyak 103 kes.

>> Muka 4

MANISNYA IMAN مانیسٹ ایمان

"DAN bagi tiap-tiap umat ada tempoh yang telah ditetapkan, maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka dikemudiankan walau sesaat pun dan tidak dapat pula mereka didahulukan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al A'raaf, ayat 34.



Berita Utama



BERSAMA komited majukan aktiviti kampung

Muka 6



BANTUAN kewangan ringankan beban mangsa bencana

Muka 9



BANTU meningkatkan pengetahuan jemaah haji

Muka 16



RENCANA

PEK hidangan tradisi sedia dimakan

Muka 21

Beri sumbangan bernilai kepada negara luar, antarabangsa

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alaa kerana dengan izin dan rahmat-Nya juga, dapatlah kita sama-sama hadir pada pagi yang permai ini untuk menyaksikan Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23.

Dengan rasa amat gembira, beta ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Pegawai-pegawai Kadet di atas persembahan perbarisan mereka sebentar tadi. Lanya jelas memperkenan mutu disiplin yang tinggi dan semangat keperwiraan serta regimentasi berpasukan yang berkesan.

Beta mengambil maklum, seramai 52 orang Pegawai Kadet dari pengambilan ke-23 ini telah berjaya menamatkan latihan Pegawai Kadet selama 48 minggu termasuk seorang Pegawai Kadet dari Angkatan Tentera Malaysia. Beta juga gembira difahamkan bahawa seorang Pegawai Kadet yang mengikuti pengambilan ini adalah penerima Biasiswa Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan lepasan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan telah

menamatkan latihan dan sekarang bertugas selaku Pegawai Perubatan di Khidmat Perubatan dan Kesihatan Tentera Darat Diraja Brunei.

Setakat ini, beta turut berbangga, kerana Sekolah Pegawai Kadet secara keseluruhannya telah berjaya melahirkan seramai 862 orang Pegawai Tentera yang berwibawa yang terdiri daripada 859 Pegawai Kadet tempatan, dua orang pegawai dari Malaysia dan seorang Pegawai Kadet dari Republik Singapura. Pencapaian yang membanggakan ini menjadi bukti jelas bahawa Sekolah Pegawai Kadet telah mencapai taraf yang tinggi sehingga turut diiktiraf oleh negara-negara sahabat. Penyertaan baharu dari Republik Indonesia dan Kerajaan Thailand pula bagi Pengambilan Ke-24 nanti akan menaikkan lagi profil Sekolah Pegawai Kadet selaku Pusat Kecemerlangan Latihan Pegawai Kadet. Syabas beta ucapan kepada Sekolah Pegawai Kadet ABDB.

Beta berkeyakinan melalui Pemodenan Pendidikan Tentera Profesional ABDB dan Penubuhan Fakulti Pengajian Tentera di Akademi Pertahanan melalui Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Pertahanan dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan membawa kepada pengembangan lebih berkesan, efisien dan sentiasa relevan dengan peredaran masa.

Manakala, Fakulti Pengajian Tentera itu pula akan mendukung hasrat negara ke arah pembelajaran sepanjang hayat dengan menghasilkan pegawai-pegawai ABDB yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23 pada Khamis, 23 Januari 2025 Masih bersamaan 23 Rejab 1446 Hijrah, yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kampung Tanah Jambu.

berkemahiran dan berpendidikan tinggi menepati antara matlamat Wawasan Brunei 2035.

Namun pada hemat beta, pendidikan tinggi sahaja belumlah memadai. Tetapi ABDB juga perlu mendedahkan para anggotanya kepada penglibatan dalam operasi-operasi yang kompleks seperti Operasi Bersepada dengan agensi-agensi keselamatan Negara Brunei Darussalam, Operasi Bantuan Kemanusiaan dan Pemulihan Bencana (HADR) seperti Operasi

Badai Taduh yang belum lama ini disertai di Republik Filipina dan Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) di Republik Filipina serta Misi Operasi Bantuan Keamanan, Pasukan Interim Bangsa-Bangsa Bersatu di Lebanon (UNIFIL).


>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG

JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27	ISNIN	27	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	SELASA	28	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43
29	RABU	29	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43
30	KHAMIS	30	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
31	JUMAAT SYAABAN	1	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
1	SABTU	2	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
2	AHAD	3	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI AUSTRALIA



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor-General Komanwel Australia, Puan Yang Terutama The Honourable Samantha Joy Mostyn AC dan Perdana Menteri Komanwel Australia, The Honourable Anthony Albanese MP dan kerajaan serta rakyat Australia bersempena dengan Hari Australia.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor-General Komanwel Australia, Puan Yang Terutama The Honourable Samantha Joy Mostyn AC dan Perdana Menteri Komanwel Australia, The Honourable Anthony Albanese MP.

Munajat Khas bersempena Sambutan Hari Kastam Antarabangsa 2025



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

>> Muka 1

Tahun 2025 menandakan Ulang Tahun Penubuhan JKED Ke-119

tahun dan tema ini juga merujuk kepada peranan penting yang diamanahkan kepada agensi kastam dalam memastikan sistem

perdagangan global berjalan dengan lancar dan selamat, serta menyumbang kepada kemakmuran ekonomi.

Munajat Khas dengan tumpuan utama di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis, Madang itu disemarakkan dengan penyertaan dari warga kerja JKED, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, KHEU dan jabatan-jabatan di bawah masing-masing.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyertai Munajat Khas bagi kali ke-170 yang diadakan bersempena Sambutan Hari Kastam Antarabangsa Tahun 2025.

dengan Tazkirah disampaikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof.

Isi kandungan Tazkirah antara lain menekankan bahawa Islam menggalakkan umatnya untuk bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al-Mulk, ayat 2, yang tafsirnya : *"Dia (Allah) yang menciptakan kematian dan kehidupan untuk menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun".*

Manakala bacaan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai dipimpin oleh Ahli Kumpulan Pendikir, JKED, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Acara diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis Madang, Awang Nuzli bin Haji Jumat.

Majlis Munajat Khas kali ke-170 sempena Sambutan Hari Kastam Antarabangsa bagi Tahun 2025 ini mencerminkan usaha JKED dalam menggabungkan elemen keagamaan dan profesionalisme sebagai sebahagian daripada tanggungjawabnya.

Dengan semangat tema tahun ini, JKED komited untuk terus menyumbang kepada kecekapan, keselamatan, dan kemakmuran negara melalui amalan yang bertanggungjawab dan berintegriti.



ANTARA yang hadir pada Munajat Khas tersebut.

PELAKSANA UNDANG-UNDANG PERLU PEKA, BERINISIATIF CEGAH JENAYAH DARIPADA BERLELUASA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Perkara tersebut digariskan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-mahkamah Syariah, hari ini.

Tegas Yang Amat Arif / Yang Berhormat, kes kesalahan perceraian di luar mahkamah tanpa kebenaran ini adalah agak berleluasa walaupun bukan sebagai kesalahan jenayah yang

berat dan hukumannya boleh dianggap sebagai ringan dan kurang mendapat perhatian dan belum dapat mencegah sepenuhnya dari berlakunya kesalahan ini sedangkan kesan fenomena dalam kehidupan berkeluarga orang-orang Islam boleh dianggap membimbangkan, iaitu banyaknya keruntuhan kehidupan berkeluarga dan berumah tangga.

Jelas Yang Amat Arif / Yang Berhormat lagi, akibatnya akan wujud keadaan hidup berkeluarga yang pecah belah, pengabaian dalam tanggungjawab, anak-anak tiada mendapat penjagaan yang sempurna dan berbagai-bagai lagi kesan negatif yang akan timbul akibat berleluasanya perceraian di luar mahkamah ini.

TEGAS Yang Amat Arif / Yang Berhormat, kes kesalahan perceraian di luar mahkamah tanpa kebenaran ini adalah agak berleluasa walaupun bukan sebagai kesalahan jenayah yang berat dan hukumannya boleh dianggap sebagai ringan dan kurang mendapat perhatian dan belum dapat mencegah sepenuhnya dari berlakunya kesalahan ini sedangkan kesan fenomena dalam kehidupan berkeluarga orang-orang Islam boleh dianggap membimbangkan, iaitu banyaknya keruntuhan kehidupan berkeluarga dan berumah tangga.

Tanamkan rasa patriotisme

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar menyeru agar seluruh pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah hendaklah sentiasa menanamkan rasa patriotisme iaitu suka dan kasih kepada tanah air kita, Negara Brunei Darussalam (NBD), negara di mana kita bernaung, hidup membesar, berkeluarga, berbangsa dan bernegara.

Dengan erti kata lain tambah Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie, kita sebagai warga kepada negara kita ini apa pun keadaan kita, hendaklah kita sama-sama memelihara kesejahteraan, keamanan dan sama-sama menjadikan negara kita sebagai negara yang makmur dan maju dalam apa jua lapangan iaitu dengan sama-sama menyumbangkan daya usaha terutama dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan yang bukan sahaja yang termampu akan tetapi yang benar-benar dapat memacu negara ini ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut pada Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-mahkamah Syariah,

hari ini. Justeru tegas Yang Amat Arif / Yang Berhormat, jangan ada yang membuat onar atau keolahan demi kepentingan peribadi dengan mengambil kesempatan sehingga melakukan perbuatan tidak jujur, pecah amanah, pengabaian terhadap tugas dan tanggungjawab, dengan kata lain, mengabaikan amalan tata kelola kerja yang baik, tiada pematuhan terhadap peraturan dan disiplin kerja yang ditetapkan kerana gejala yang buruk seperti ini bukanlah sifat warga yang dikatakan patriotisme.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat turut menyentuh mengenai sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud, "Kasih kepada negara itu adalah sebahagian daripada iman", yang mana ini adalah kerana orang yang beriman tidak akan membiarkan negaranya atau tanah airnya ini termasuklah juga tempat dia berusaha bekerja

Menurutnya, pihak-pihak yang terlibat dalam kesalahan ini biasanya tidak mendapat nasihat daripada pihak-pihak yang bersangkutan, di samping bertindak mengikut perasaan panas baran.

Di mana fenomena ini, tambah Yang Amat Arif / Yang Berhormat, kalau tidak dibendung dengan lebih berkesan terutama dari segi perundangan, maka kesan buruk dalam masyarakat akan terus terjadi.

"Selain itu juga, jumlah kes kesalahan khalwat yang dilakukan oleh orang Islam di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 pada tahun 2024 telah menurun kepada 294 kes berbanding pada tahun 2023 sebanyak 432 kes.

"Walaupun terdapat penurunan dalam pendaftaran kes kesalahan khalwat di Mahkamah Syariah pada tahun 2024, ini tidak bermakna kita harus berasa lega sepenuhnya. Ini adalah kerana jumlah tersebut masih tinggi dan membimbangkan kerana ia menunjukkan bahawa masih terdapat kesalahan tersebut dilakukan dalam kalangan orang-orang Islam.

"Perlu kita sama-sama ingat bahawa walaupun hukuman yang dikenakan terhadap pesalah-pesalah khalwat ini mungkin dipandang tidak seberat mana, perlu ditekankan bahawa sekiranya kesalahan ini dibiarkan berlanjutan, ia mungkin akan membawa kepada kemaksiatan yang lebih besar, seperti zina, persetubuhan haram dan

seumpamanya yang mana sudah pasti hukumannya adalah lebih berat. Ini sepatutnya tidak terjadi di negara ini sedangkan negara ini adalah merupakan sebuah Negara Zikir yang beragama Islam," ujar Yang Amat Arif / Yang Berhormat.

Melihat kepada beberapa peningkatan kes-kes kesalahan ini, Yang Amat Arif / Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa adalah perlu dan wajar bagi kita khususnya selaku pelaksana undang-undang dan semua agensi dan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil berat akan perkara ini dan mengambil inisiatif pencegahan yang bersesuaian berhubung perkara tersebut khususnya bagi mencegah masalah ini daripada berleluasa bermula daripada kalangan generasi muda kita.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat turut menekankan agar para Hakim Syarie dalam melaksanakan tugas kehakiman agar memastikan tidak berlaku sebarang kelewatan yang tidak munasabah dalam pengendalian atau membuat sesuatu keputusan sehingga boleh menjelaskan hak dan kebijakan mereka yang terlibat dalam sesuatu prosiding mahkamah serta sentiasa bersedia dalam melengkapkan diri dengan segala kemahiran perundangan dan hukum syarak bagi memperkasakan kehakiman Islam.

"Hakim Syarie juga perlu sentiasa peka dengan perkembangan undang-undang



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

semasa khususnya mana-mana undang-undang yang bersangkutan dengan pentadbiran agama Islam termasuklah pembangunan teknologi digital. Perkara ini akan dapat memastikan para hakim mendapat kepercayaan terhadap kewibawaan institusi kehakiman syarak.

"Di samping itu, para hakim juga hendaklah sentiasa menjaga etika kehakiman dan memelihara batas pergaularan dalam perhubungan dengan masyarakat awam. Ini bagi menjaga dan memelihara daripada sebarang tohongan serta memelihara kemuliaan posisi jawatan itu menurut syarak," jelas Yang Amat Arif / Yang Berhormat lagi.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Terdahulu itu, Yang Amat Arif / Yang Berhormat menyatakan, majlis perhimpunan itu merupakan salah satu platform perjumpaan bagi semua warga Mahkamah Syariah baik di Daerah Brunei dan Muara maupun juga di Daerah Tutong, Belait dan Temburong.

Melalui perhimpunan itu, tambahnya, seluruh warga Mahkamah Syariah dapat meluangkan masa bersama bukan sahaja untuk menghadiri majlis ini secara umum bahkan juga bagi mengutarkan dan membincangkan secara langsung apa-apa permasalahan dan isu yang dihadapi Mahkamah Syariah di setiap daerah di seluruh negara.

"Saya juga telah difahamkan bahawa terdapat beberapa perubahan yang akan dilaksanakan bermula 1 Februari 2025 ini nanti khususnya bagi beberapa pegawai yang akan ditempatkan di daerah berlainan daripada yang telah ditempatkan sebelum ini.

"Harapan saya, semoga pegawai-pegawai yang berkenaan akan dapat mengambil manfaat daripada perubahan ini dengan memberikan lebih komitmen dan berintegriti dalam menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan serta ambillah peluang untuk menimba lebih pengalaman dan pengetahuan agar dapat meningkatkan lagi mutu pengurusan dan perkhidmatan Mahkamah Syariah di seluruh negara, insyaAllah," ujar Yang Amat Arif / Yang Berhormat lagi.

"PERKARA ini sering saya sebutkan, ia bukan untuk berleter akan tetapi hanyalah untuk sama-sama mengingatkan kita agar tidak leka dan lupa akan matlamat dan visi kita bukan sahaja sebagai warga Mahkamah Syariah malah juga sebagai rakyat NBD yang mementingkan ajaran-ajaran Islam dan mempraktikkannya dalam kehidupan kita, khususnya demi untuk mencapai keselamatan kehidupan di dunia dan juga di akhirat," ujar Yang Amat Arif / Yang Berhormat lagi.

PERHIMPUNAN SUNKI SEMANGAT KERJA CAPAI VISI, MISI MAHKAMAH SYARIAH

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai - pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas kanan), manakala gambar atas, suasana penyampaian sijil dan Piala Pusingan Ketua Hakim Bersama bagi Tahun 2024.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai - pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-mahkamah Syariah, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif /

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Hakim Syarie, Pendaftar-pendaftar Mahkamah Syariah, para pegawai dan kakitangan Mahkamah-mahkamah Syariah dari seluruh negara. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Jabatan Kehakiman Negara dan beberapa orang pegawai dari Jabatan Kehakiman Negara, JPM.

Majlis dimulakan dengan bacaan

ayat-ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh qari Skim Tilawah Al-Quran Remaja, Awang Mohd. Nurhidayatullah Al-Mu'min bin Awang Rosman, manakala inti sari ayat-ayatnya disampaikan oleh Pendaftar Mahkamah Kadi, Awang Muhammad Khairul Harith bin Hamidon.

Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pengiran Mohammaddin bin Pengiran Haji Aliakbar dalam ucapan alu-alunnya antara lain menjelaskan mengenai pengurusan kes-kes Mahkamah Syariah termasuk pengurusan hal ehwal perkahwinan dan penceraian adalah bermula dengan perjumpaan orang ramai dan pelanggan di kaunter-kaunter perkhidmatan yang disediakan.

"Adalah penting untuk memastikan kaunter-kaunter perkhidmatan dapat beroperasi secara optimum pada waktu-waktu yang telah ditetapkan. Dalam hubungan ini, adalah menjadi keutamaan pihak pengurusan untuk memastikan kakitangan-kakitangan yang bertugas sentiasa berada di kaunter-kaunter perkhidmatan.

"Kelewatan pembukaan kaunter apatah lagi penutupan kaunter tanpa sebab yang munasabah seperti oleh sebab kekurangan kakitangan adalah tidak dapat diterima dan seterusnya akan menjelaskan imej Mahkamah Syariah," jelasnya.

Menurutnya lagi, bagi menyelesaikan isu tersebut, satu ketetapan telah dibuat bagi



menjalankan satu projek rintis iaitu penempatan bertugas Mahkamah Syariah secara bergilir yang melibatkan seramai 18 orang kakitangan secara gabungan antara Unit Kaunter dan kakitangan Unit Mahkamah dan Unit Perkahwinan yang bertugas di back office. Kemudian, majlis diteruskan dengan ucapan oleh Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Antara pengisian pada majlis berkenaan ialah tayangan video menelusuri program dan aktiviti Mahkamah Syariah sepanjang tahun 2024, penyampaian sijil dan Piala Pusingan Ketua Hakim Bersama bagi Tahun 2024, penyampaian penghargaan kepada pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah yang telah bersara serta penyampaian

penghargaan perkhidmatan Mahkamah-mahkamah Syariah bagi Tahun 2024.

Majlis yang diungkayahkan adalah acara tahunan yang mengumpulkan warga Mahkamah-mahkamah Syariah dari seluruh negara. Di antara objektif pengungkayahan majlis ini diadakan adalah untuk menyuntik semangat kerja berpasukan demi mencapai visi dan misi Mahkamah Syariah.

Dengan adanya majlis tersebut, ia diharap agar dapat mengeratkan lagi silaturahim antara sesama warga kerja mahkamah, selain berkongsi mengenai pencapaian Mahkamah-mahkamah Syariah sepanjang tahun 2024 serta perancangan strategik mahkamah bagi tahun 2025.

PPDB adakan Majlis Doa Kesyukuran



SEKITAR Majlis Doa Kesyukuran sempena Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diadakan baru-baru ini anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI) PPDB bertempat di Surau Polis Gadong (atas, atas kanan dan kanan).

GADONG, Sabtu, 25 Januari. - Majlis Doa Kesyukuran sempena Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diadakan baru-baru ini anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI) PPDB bertempat di Surau Polis Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah

Pemangku Pesuruhjaya Polis, PPDB, DCP Data Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin bersama isteri, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong selaku Pengurus Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI).

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; Pengurus BUI, PPDB, DSP Aimi Safwan bin Zalidin serta

pengarah-pengarah dan timbalan pengarah jabatan, pegawai-pegawai kanan, para pegawai, dan anggota pangkat rendah PPDB termasuk Ahli-ahli PEKERTI.

Majlis dimulakan dengan menuanakan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, yang diimamkan oleh APO Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran dan diakhiri dengan bacaan Doa Penutup, memohon keberkatan dan rasa syukur atas kejayaan istiadat berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



BERSAMA KOMITED MAJUKAN AKTIVITI KAMPUNG



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menyertai sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat menyampaikan sijil-sijil lantikan keahlian kepada para penerima.

KIARONG, Sabtu, 25 Januari. - Majlis Perundungan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Lantikan bagi 20 orang ahli termasuk lima ahli sub komiti MPK Kawasan 2 RPN Panchor yang dilantik bagi menerajui Jawatankuasa MPK Kawasan 2 bagi tempoh lima tahun iaitu

bermula tahun 2024 hingga tahun 2028.

Penyampaian sijil-sijil lantikan keahlian tersebut disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok pada majlis yang diadakan di salah sebuah restoran di Kampung Kiarong.

Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Haji Awang Mohammad

Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim yang juga Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor selaku Pengurus Majlis dalam ucapannya pada majlis tersebut antara lain menyatakan bahawa untuk menubuhkan keahlian MPK bukanlah perkara yang mudah kerana sebagai ahli-ahli yang baharu perlulah mempunyai pengalaman dan pengetahuan serta minat di dalam tadbir urus hal ehwal kampung.

Tambahnya, dengan pengalaman dan pengetahuan yang sedia ada pada ahli-ahli mengukuhkan lagi kelayakan untuk mendapat sokongan menjadi Ahli-ahli MPK yang dapat memberikan impak untuk kemajuan dan keberkesanannya dalam tadbir urus kemajuan dan perkembangan dalam memajukan apa saja aktiviti-aktiviti kampung. Oleh itu jelasnya, Ahli-ahli MPK perlulah mempunyai semangat dan disiplin yang tinggi dan menanamkan sikap *sense of belonging* sebagai Ahli-ahli MPK yang bertanggungjawab dan komited dalam sama-sama membantu dalam memajukan apa saja aktiviti-aktiviti kampung.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Alishahrin Haji Mumin



Pupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar

Oleh : Pg. Sy'iaruddin Pg. Dauddin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

MENUNGGOL, Sabtu, 25 Januari. - Sebagai salah satu aktiviti komuniti yang berkebajikan dan memupuk semangat berkolaborasi, sekumpulan pelajar dari Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE) iaitu sebuah pusat di bawah Kementerian Pendidikan pagi tadi bekerjasama dengan Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) bagi Projek Perpustakaan yang diadakan di Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol, di sini.

Inisiatif ini bertujuan untuk mempromosikan budaya membaca di negara ini dengan menderma dan mengedarkan buku kepada sekolah-sekolah

yang memerlukan.

Projek kali ini dilaksanakan dengan penyerahan buku-buku ke Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol yang disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Chong Chin Yee selaku tetamu kehormat.

Projek berkenaan bermula sejak tahun 2022 dan telah menunjukkan perkembangan serta penglibatan yang signifikan daripada sekolah-sekolah dan masyarakat setempat.

Buku-buku yang diberikan diperoleh daripada pelbagai sumber, termasuk sumbangan daripada pihak persendirian dan awam, dengan lokasi penghantaran seperti Supa

Save Kuala Belait dan pejabat-pejabat Kementerian Pendidikan.

Buku-buku yang diberikan merangkumi pelbagai genre termasuk sastera kanak-kanak, buku teks, dan novel, untuk memastikan konten yang bervariasi bagi penerima.

Sebelum ini, MKM dan pelajar EDGE telah berjaya mengadakan kempen derma buku kepada sekolah-sekolah rendah di Daerah Brunei dan Muara dan Ulu Belait, dengan Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid menjadi sekolah keenam yang menerima sumbangan buku.

Usaha MKM dan EDGE secara efektif membantu komuniti tempatan dan dapat dilihat hasilnya dengan kemajuan yang cemerlang ke arah masa depan yang lebih cerah.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa penyerahan buku-buku ke Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Beta mahu penglibatan seperti ini dipertingkatkan, supaya ABDB dapat terus meningkatkan tahap profesionalisme dalam memelihara keselamatan dan kedaulatan negara, di samping turut memberikan sumbangan bernilai kepada negara luar dan antarabangsa.

Akhirnya, beta suka cita merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Akademi Pertahanan, khususnya kepada Komandan Akademi Pertahanan, Pegawai Pemerintah, Pegawai-pegawai, Colour Sergeant, School Sergeant Major, jurulatih dan kakitangan Sekolah Pegawai Kadet di atas pengorbanan dan dedikasi mereka dalam melatih dan mendidik Pegawai-pegawai Kadet dan menjayakan Upacara Sovereign's Parade pada pagi ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga, beta tujuhan kepada para ibu bapa, penjaga serta ahli keluarga di atas suntikan semangat, bimbingan dan sokongan yang berterusan sehingga mereka berjaya mengharungi latihan yang sangat bermakna dan mencabar ini. Kepada semua penerima anugerah, beta ucapan tahniah dan syabas.

Dengan meraffakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berkat kalimah *Bismillaahir Rahmaanir Raheem*, maka beta dengan suka cita mengurniakan Tauliah kepada 52 orang Pegawai Kadet, Pengambilan Ke-23.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

YANG Berhormat semasa menyertai sesi bergambar ramai pada majlis berkenaan.

TINGKATKAN KESEDARAN TANGANI JENAYAH SIBER

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin



TUTONG, Sabtu, 25 Januari. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Telisai dengan kerjasama Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Kluster 5 pagi tadi mengadakan Taklimat Jenayah Siber yang berlangsung di sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada taklimat berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai,

Tutong.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai, dengan Taklimat Jenayah Siber disampaikan oleh Pegawai Penyiasat Bahagian Jenayah Siber, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei, Ketua Inspektor Haji Adinin bin Haji Ahmad.

Taklimat yang disampaikan oleh Ketua Inspektor Haji Adinin berkenaan meliputi pelbagai isu-isu yang berkaitan dengan

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Taklimat Jenayah Siber yang diadakan di Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Kluster 5 (atas). Sementara gambar atas kiri, Taklimat Jenayah Siber disampaikan oleh Pegawai Penyiasat Bahagian Jenayah Siber, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei, Ketua Inspektor Haji Adinin bin Haji Ahmad.

penggunaan media sosial seperti buli siber termasuk scammer dalam talian dan memeras ugut.

Salah satu topik yang dibincangkan adalah perkongsian maklumat peribadi terlalu banyak dalam talian, yang memudahkan penjenayah siber mengeksplorasi untuk melakukan sesuatu

kesalahan.

Para hadirin juga diingatkan supaya peka dan sentiasa berhati-hati apabila berkomunikasi melalui Internet sama ada menghantar atau berkongsi apa juga maklumat peribadi tentang diri sendiri atau orang lain.

Taklimat juga menerangkan

mengenai beberapa kes jenayah siber yang telah didakwa di negara ini termasuk menyebarkan mesej tular serta maklumat palsu.

Acara diakhiri dengan bacaan Surah Al-'Asr.

Juga hadir, warga emas dan para pelajar dari Mukim Telisai serta ahli-ahli daripada MPM Telisai.

Bengkel beri pendedahan, kembangkan penulisan karya kreatif



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Sabtu, 25 Januari. - Puisi Esei merupakan satu genre penulisan kreatif sastera yang masih muda di Negara Brunei Darussalam dan penulisan ini telah berkembang di Indonesia dan

Malaysia.

Ianya berkonsepkan sebuah penulisan kreatif, kritis dan fakta yang menyentuh isu-isu sosial secara lebih terperinci dan penulisannya ditulis dalam sebuah

PEMANGKU Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis.

bin Ampuan Haji Tengah bersama Presiden BAHASA, Sabah, Datuk Jasni Matlani.

Bengkel sehari itu disertai oleh seramai 70 orang peserta yang dibimbing oleh Komunitas Penulis Puisi Esei dari Indonesia serta perkongsian ilmu dan pengalaman dari penulis puisi eseи dari Sabah.

Pembimbing bengkel terdiri dari Fatin Hamama T. Sham menyampaikan bimbingan tentang 'Pengenalan Awal dan Ciri-Ciri Puisi Esei', sementara Jonminofri Nazri membimbing dari aspek 'Teknik Penulisan Puisi Esei' dan Amelia Fitriani menyentuh mengenai 'Puisi, Fakta dan Artificial Intelligence (AI)'.

Catatan kaki (footnote) pada sebuah penulisan puisi eseи berperanan utama dalam puisi eseи kerana catatan itu menghadirkan data dan rujukan.

Fiksi dipuisikan dan fakta dalam kehidupan pula nyata saling

menguatkan.

Puisi Esei bermula pada tahun 2012 di Indonesia.

Sekjak tahun 2012 hingga tahun 2015, anggaran 30 buah buku puisi eseи telah ditulis oleh lebih 100 orang intelektual dan penyair di seluruh wilayah Indonesia.

Bengkel Penulisan Puisi Esei ini bertujuan memberi pendedahan tentang penulisan puisi eseи; memberi kesempatan kepada para penulis untuk belajar dan menghasilkan puisi eseи agar dapat menyertai Festival Puisi Esei ASEAN dan mengajar genre alternatif kepada para penulis untuk menghasilkan karya selain genre puisi (bebas), sajak, cerpen, novel dan drama.

Bengkel diharap dapat menyebarkan pemikiran, pandangan dan gagasan kepada penulis-penulis hari ini, di samping mengembangkan penulisan karya kreatif di rantau Nusantara.



ANTARA yang hadir menyertai Bengkel Penulisan Puisi Esei bertempat di Balai Sarmayuda, DBP (atas dan kiri).

RAIH KEBERKATAN MEMAKMURKAN MASJID



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Januari. - Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' diadakan awal pagi tadi bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Hadir pada program tersebut ialah pegawai - pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Program dimuatkan dengan

Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, bacaan wirid dan diserikan lagi dengan Tazkirah bertajuk 'Isra' dan Mi'raj Sebagai Sumber Inspirasi Dalam Kehidupan' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Tazkirah antara lain mengongsikan mengenai pengajaran dari peristiwa Israk dan Mikraj yang merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah Islam, terjadinya pada malam hari, di mana Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melakukan perjalanan malam dari Masjidil Haram di Makkah (Israk) menuju Masjidil Aqsa di Palestin, lalu naik ke langit (Mikraj) menuju ke Sidratul Muntaha untuk bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kemuncak peristiwa inilah Allah Subhanahu Wata'ala memfardukan solat lima waktu ke

atas umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' diadakan bagi mengajak orang ramai untuk menghadirkan diri bagi bersama-sama memakmurkan masjid secara istiqamah (berterusan) dalam mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah di awal waktu, yang sebagaimana kita ketahui bahawa mendirikan sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan daripada berbanding sembahyang secara persendirian.

Selain itu, program tersebut juga memberikan peluang dan kemudahan kepada orang ramai dengan terlebih dahulu meraih keberkatan dengan memakmurkan rumah Allah, menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang, sebelum mereka mulakan langkah

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



TAZKIRAH bertajuk 'Isra' dan Mi'raj Sebagai Sumber Inspirasi Dalam Kehidupan' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (atas). Sementara gambar kiri, sebahagian yang hadir pada Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat'

dengan keceriaan untuk aktiviti beriadah di hujung minggu.

Zahirkan kecintaan terhadap Rasulullah



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis/Madang (kiri dan bawah). Manakala gambar atas, Forum Khas Tadabbur bertajuk 'Risalah Ilahi Dari Langit' Ayat 13 hingga 18, Surah Al-Najm yang disampaikan oleh para ilmuwan.

Haji Sammalli bin Haji Adam selaku Moderator.

Forum antara lain menyentuh mengenai peristiwa perjalanan Israk Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa serta pengajaran yang dapat diperoleh berpandukan dari ayat 13 hingga ayat 18, Surah Al-Najm.

Antara tujuan majlis berkenna

diadakan adalah bagi memperingati dan mengambil ikhtiar serta pengajaran daripada peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping meningkatkan kecintaan kita kepada Baginda dan menambahkan lagi keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Januari. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Suri Seri

Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis / Madang mengadakan

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah bertempat di masjid berkenaan.

Majlis sambutan berkenaan merupakan salah satu program dan aktiviti bagi mengimarahkan lagi MSSBRPAD dalam menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Penasihat Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis diserikan lagi dengan Forum Khas Tadabbur bertajuk 'Risalah Ilahi Dari Langit' Ayat 13 hingga 18, Surah Al-Najm yang disampaikan oleh para ilmuwan terdiri daripada Profesor Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato' Dr. Haji Zulkifly bin Haji Muda sebagai ahli panel pertama, sementara, Penolong Profesor, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar sebagai ahli panel kedua. Manakala, Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang

BANTUAN KEWANGAN RINGANKAN BEBAN MANGSA BENCANA



Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Seramai 15 orang ketua keluarga menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada majlis yang



berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Salah seorang ketua keluarga daripada 15 yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah, manakala empat ketua keluarga

terlibat dalam kejadian rumah roboh, lima ketua keluarga terlibat dalam kejadian banjir dan lima ketua keluarga terlibat dalam kejadian angin kencang.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan

PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh semasa menyerahkan bantuan kewangan kepada para ketua keluarga (kiri dan kiri sekali).

selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa - mangsa bencana ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, JAPEM, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga.

Usaha ini menunjukkan keperihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

Cungkil bakat, potensi mualaf belia



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembubaran Ahli Jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah 2023-2024 dan Pelantikan Baharu Ahli Jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah 2025-2026 (atas dan kanan).



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Belia Muallaf As-Syahadah di bawah naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Pembubaran Ahli Jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah 2023-2024 dan Pelantikan Baharu Ahli Jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah 2025-2026.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna PDI, malam tadi

ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatiyah dan doa disusuli dengan ucapan daripada tetamu kehormat. Pada majlis itu, mantan Pengurus Belia Muallaf As-Syahadah 2023-2024, Dayang Nurul Nadzirah binti Haji Simpon turut menyampaikan ucapan.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyerahan hadiah dan sijil penghargaan serta surat lantikan

yang disempurnakan oleh tetamu kehormat. Acara diikuti dengan bacaan ikrar diketuai oleh wakil Ahli Jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah dan diakhiri dengan bacaan Surah Al-Asr dan Tasbih Kaffarah.

Majlis Pembubaran Ahli Jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah berkenaan dikendalikan setiap dua tahun sekali. Adapun tujuan majlis tersebut diadakan adalah untuk mencungkil bakat kepimpinan dan

mengenal pasti potensi belia mualaf dalam meningkatkan mutu dan kualiti khidmat serta sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara.

Di samping itu, ia juga bagi meningkatkan lagi kebolehan dan kefahaman ahli-ahli baharu akan segala tugas yang bakal mereka laksanakan, mengeratkan silaturahim sesama ahli serta memberi penghargaan kepada ahli jawatankuasa lama yang telah berkhidmat.

Objektif acara adalah untuk merealisasikan asas perpaduan dan kesefahaman, saling bantu-membantu sesama ahli jawatankuasa, di samping menanam dan memupuk semangat kerjasama agar melatih belia untuk sentiasa memberi manfaat kepada orang lain. Selain itu, ia juga bagi membentuk belia yang berkepimpinan berkebolehan tinggi dan berdisiplin untuk menjadi teladan kepada belia mualaf yang lain.

PENTING SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.


Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemasuki pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemasuki ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU
Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



TINGKATKAN PEMAHAMAN MENGENAI KEPENTINGAN PROGRAM STEAM



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

>> Muka 1

Sesi diteruskan dengan perkongsian mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat STEP, termasuk program STEAM dan Inisiatif Hijau, serta hubung kaitnya dengan program-program yang ditawarkan di peringkat kebangsaan, serantau, dan antarabangsa.

Sesi tersebut juga diisikan dengan pengumuman dan penyampaian sijil kepada para penerima STEAM Active School 2024 yang telah disempurnakan oleh Ketua Pusat STEP.

Pengiktirafan ini diberikan kepada sekolah-sekolah yang giat

dan aktif menyertai program-program anjuran Pusat STEP pada tahun 2023 dan 2024.

Penerima STEAM Active School 2024 bagi Kluster 3 dalam Kategori Sekolah Rendah ialah Sekolah Rendah Pulaie, manakala bagi Kategori Sekolah Menengah dan PTE ialah Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Para pemimpin sekolah turut diberikan peluang untuk bersemuka dan berbincang dengan pegawai fokal bagi program-program yang disediakan Pusat STEP.

Perbincangan ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai

kandungan dan kepentingan program-program STEAM serta Inisiatif Hijau yang telah dibarangkan.

Melalui sesi ini, diharapkan para pemimpin sekolah dapat memahami dengan lebih jelas tahap pelaksanaan program STEAM dan Inisiatif Hijau di sekolah masing-masing.

Pembarigaan Program-program Pusat STEP 2025 ini juga bertujuan untuk membina kepercayaan serta memperkuuhubungan kerjasama antara Pusat STEP dan para pemimpin sekolah.

KETUA Pusat STEP semasa menyampaikan sijil kepada penerima.

Inisiatif ini juga dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran, memperluas penyertaan, dan

menggalakkan penglibatan aktif sekolah dalam perkhidmatan serta program-program yang disediakan Pusat STEP, bagi memastikan pelaksanaannya di peringkat sekolah berjalan dengan mantap dan berkesan dalam jangka masa panjang.

Sesi ini turut disampaikan kepada pemimpin-pemimpin sekolah serta wakil dari semua kluster di bawah Kementerian Pendidikan, dan akan dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.



Perkuuhkan amalan penghayatan berugama dalam kalangan pelajar



TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Ketua Bahagian IRK (Islamic Religious Knowledge), Jabatan Pengajian Islam (atas). Sementara gambar kiri dan bawah kiri, sebahagian yang hadir pada program berkenaan.

SENKURONG, Sabtu, 25 Januari. - Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan akan melaksanakan dua program iaitu Program Bimbingan Solat bagi Pelajar Tahun 2 dan Program Bilal dan Imam Celik (BIC) di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta seluruh negara bermula bulan Februari depan.

Usaha ini adalah ke arah mendukung matlamat pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran

Ugama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum serta memupuk dan mengukuhkan amalan penghayatan berugama dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

Objektif program antara lain

bertujuan bagi memberikan

kefahaman dan asas yang kukuh

dalam melaksanakan kewajipan

ibadah sembahyang, di samping

memupuk minat dan bakat para pelajar untuk menjadi pemimpin dalam bidang keugamaan.

Sehubungan dengan itu, sesi taklimat bagi Program Bimbingan Solat bagi Pelajar Tahun 2 dan

Program BIC diadakan di Pusat Tingkatan Enam, Sengkurong.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Pemangku Ketua Bahagian IRK (Islamic Religious Knowledge), JPI, Dayang Eralisa @ Hanisah 'Aqilah binti Haji Shaheed.

Taklimat tersebut dihadiri oleh kira-kira 230 orang guru besar dan ketua guru ugama sekolah-sekolah rendah senegara.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari JPI, KHEU; dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam



سُرْدَلِ الْمُبَهِّي

منو جو كجایان دعن سمبهیغ

جماعه يع در حمي الله،

بالسن باكى اورغ يع سنتیاس منجاھن دان مملیهارا سمبهیغن مك سوده فستی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مُبَهِّيکَنْ کنجرن شرك، سپاکیمان فرمان دالم سورة المؤمنون آية ۹ هیڠک ۱۱:

تفسیرن:

دان اورغ-اورغ يع تتف مملیهارا سمبهیغ مریک. مریک لیتله فواریس- فواریس، يع اکن مورایسی شرك فردوس، مریک ککل دالمن.

جلس سکالی سمبهیغ اداله فیتو سکل-کلن. دزمان يع سربا موڈن این، منجادیکن کیت سماکین سیبوغ دعن حال إحول دنیاوی. اکن تاتی جاحعله کیت جادیکن کسیبوکن ایت سپاکای ساتو السن اوتنوق کیت منجاوایکن دان ملا لايكن عباده سمبهیغ.

ريعن اتاو برتن عباده سمبهیغ ایت برکنتو غ قد کلیمان سساورغ. اولیه ایت، سماکین برایمان سساورغ ایت برآری سماکین موڈله اي منوینکن دان مندیریکن سمبهیغ اکن تاتی جل کورغن إیمان سساورغ ایت تراھادف الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مك اکن براس بر دان مالسله اي اوتنوق منوینکن عباده سمبهیغ.

آخرین، ماریله کیت سام-سام منیشکنکن کنقرأن کحضرۃ اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن برسوگکوه-سوگکوه ملقساناکن سکل فیتنهن دان منجاوهي لارغن، دسقیع کیت مقریتیکنکن اوسيها دالم مندیدیق آنچ-آنچ دان اهل کلوارک کیت اکر تتف پمفورناکن کواجین ماسیغ-ماسیغ ترأو تاما دالم عباده سمبهیغ. موڈه-موڈن دعن يع دمکن، کیت سعوا اکن تراھیندر دان تیدیق ترماسوق کدام نراك سقر سرتا تراھیندر دری سبارغ بهای دان بالا بنجان. آمين يا ریٹ العالین.

تفسیرن:

دان فریتهکله کلوارک مو مندیریکن سمبهیغ، دان برصرلہ دالم منوینکن. کامی تیدیق میتتا رزقی درف دو (بهکن) کامیله يع مغوریانکن رزقی کنقد مو. دان عقیة (کسودهن يع بایک) اداله باكى اورغ-اورغ يع برقوی. { سوره طه آية ۱۳۲ }

باڑک الله آننا في القرآن العظيم، وَنَقَّلَنا بِالْأَيَّاتِ وَالْذِكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ تَلَوُّهُ إِنَّهُ هُوَ السَّيِّعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِتَائِبِ الْمُشْلِمِينَ وَالْمُشْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ فِيَ فُوزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا تَائِبِيَنَ.

مبسل له دی کلک. افاته لاکی باكى مریک يع منیشکلکن سمبهیغ کران حکومن اداله بردوسا بسر دان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى تله منجنیجکن سیقسان يع فدیه دأخیره کلک. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة المدثر آية ۴۲ هیڠک ۴۳:

تفسیرن:

(مریک برکات): "افاكه يع میپیکن کامو ماسوق کدام نراك سقر؟" اورغ-اورغ بردوسا ایت برکات: "کامی تیدیق ترماسوق دالم کولوغن يع مندیریکن سمبهیغ".

سسوغکوهن عباده سمبهیغ ایت ساعت باپق فضیلة دان کستن دالم کهیدوفن. انتاران ایاله:

فرقام: مغارج تتفغ فورووسن ماس. ملالوی عباده سمبهیغ، کیت بلاجر ملاکوکن فر کارا-فر کارا يع لبیه اوتام بیات مغنای کشتبین ماس، کشتبین ماس دان مندیسیقایکنکن دیری اوتنوق منشي وقوف. درف دعبدالله بن مسعود رئیلیفتهن بھاوا رسول الله ﷺ فرنه دنان مغنای عمالن يع دسوکای اویله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. رسول الله ﷺ برسیدا: الصَّلَاةُ عَلَىٰ وَفِيهَا

تفسیرن:

سمبهیغ قد وقتو. { حدیث روایة امام بخاری }

کدوا: مغارج کاره مقریاباکی دیری. ترداشت باپق جارا باكى سساورغ مسلم اوتنوق مقریاباکی دیرین. انتاران ایاله دعن سنتیاس برذکر مغایثت الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، میاج القرآن سرتا ممهمی ارتی ایسی کندوغن دان يع ترفتیغ داله ملقساناکن عباده سمبهیغ. دعن دمکن مفو متلوغ سساورغ ایت مغهیندر کن دیرین درف دلاکوکن فر کارا-فر کارا موغکر دان دوسا.

کیک: مغوكوهن هوبوغن سسام انسان. ادقون انتارا عمالن يع ترفتیغ دالم عباده سمبهیغ ایاله ملاکوکن سمبهیغ سجارة برجماعه. سمبهیغ برجماعه ایت مغوبیای رهسیان يع ساعت ایستیمیو، انتاران ایاله دافت مشهدوفنکن راس کساتوان يع سپنر دالم جیوا اومت اسلام. این اکن دافت مبراهنکن راس کمسران سرتا پیماراقنکن ساعت فرسوداران ساکام.

کاملت: مبواهکن کجایان دان کرکن دالم کهیدوفن دنیا دان دأخیره. دالم القرآن اد دسبوتکن تتفغ اورغ-اورغ بریمان يع برحای منجاھن کسلامن هیدوف دنیا دان منعمعی کبهاکیان يع کل دأخیره کلک ایاله مریک يع مفرجکن سوروهن دان منجاوهي لارغن، بیات دعن مغرهنکن سمبهیغ دعن خشوع، سپاکیمان فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة المؤمنون آية ۱ هیڠک ۲:

تفسیرن:

سسوغکوهن بر جایله اورغ-اورغ بریمان. (بایت) اورغ-اورغ يع خشوع دالم سمبهیغ مریک.

جماعه يع در حمي الله،

برقوی له کیت کحضرۃ اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منیشککن کلیمان کفدن. سسغکوهن اورغ يع فالیغ مليا دسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایاله اورغ يع فالیغ برقوی. موڈه-موڈن کیت منجادی إنسان يع سنتیاس مثبیغی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براؤله کجایان دان کسلامن دنیا دان جوک دأخیره.

جماعه يع در حمي الله،

بولن رجب اداله بولن يع منجاتکن سخاره يع سنتیاس دایشی اولیه اومت اسلام کران دالم بولن إینله برلاکون فریستیوا اسراء دان معراج رسول الله ﷺ. دالم فریستیوا این، رسول الله ﷺ تله داسراء کن (دفرجالنکن) دری مسجد الحرام دمکه کمسجد الأقصی دفلسطین دان کمودین دمعراجنکن (دنايقکن) کلاعیت منجو کسدرة المتهی. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة الإسراء آية ۱:

تفسیرن:

مهما سوجی الله يع تله مقرحالنکن همبان (نی محمد ﷺ) دعن روح دان جاسدن) قد وقو مالم دری مسجد الحرام (دمکه) کمسجد الأقصی (بیت المقدس دفلسطین)، يع کامی برکتی سکلیلین سوقای کامی مقریهنهکن کفدن سبهاکن درف تندان-تندان (کبسرن دان ککواسان) کامی. سسوغکوهن الله مها مندغه لراکی مها ملیهت.

دالم فریستیوا ترسیوت، بکیندا رسول الله ﷺ تله مپسیکن تندان-تندان کاکوون دان ککواسان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان دکمونچق فریستیوا إینله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى تله مفترضکن سمبهیغ لیما وقو کفند اومت اسلام. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة الإسراء آية ۷۸:

تفسیرن:

دیریکنله سمبهیغ مولاعی ترکلینجیر ماتھاری هیڠک سفی کلٹ مالم، دان (دیریکنله) سمبهیغ صبح، سسوغکوهن سمبهیغ صبح ایت دسقیکن (اویله ملاککه).

جماعه يع در حمي الله،

عباده سمبهیغ اداله تندان کطاعن دان کشکورن کیت کفند الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يع تله ملیمتهکن بریاکای-باکای نعمت دان رحمة. سسوغکوهن عباده سمبهیغ اداله عباده يع اوتام دان يع مولا-مولا سکالی اکن دفرهیتوغکن اویله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى قده هاری قیامه کلک.

اویله إیت، جل سساورغ ایت مغورنا سمبهیغ نسحای بریاکیان دان براؤترغله دی. سبالیقن جل تیدیق مغورنا سمبهیغ مک اکن روکی دان

دعاء ممohen كفـد الله سقـاي قـرسـلامـة

درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـيـاـكـيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ
أَحْتَسِنْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعَزَّةِ وَاجْبَرُوْتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَبَبِي
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُنَا
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي
إِلَهٍ يَأْدِينَنَا يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحُوَاجُ، وَتُثَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبْوُءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبْوُءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بچاءن يعْ مُبَاوا كِبَرَا وَنَتوْعَنْ سَاعَتْ بَسْر كَفْد قَعْمَلَنْ (تَوْلُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurnikannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَسِّي يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Tawaran:
Cleaning Services at Department of Electrical Services Cawangan Pasar Ulak, Cawangan Bandar (Kianggeh), Cawangan Sengkurong & Cawangan Bunut For A Period of Thirty – Six (36) Months.

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 094 / 2024

Tarikh Ditutup:
25 Februari 2025.
(Selasa)
Jam 2.00 Petang.

Boleh Diperoleh Daripada
Kaunter Unit Tawaran Dan Sebut Harga Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Tempat Tutup
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Basement Two (B2), Bagunan Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Syarikat yang berdaftar dengan
• Kelas 2, 3 atau 4
• Kategori S02

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Tajuk Tawaran:
Cleaning Services at Department of Electrical Services Headquarter, Lapangan Terbang Lama For (36) Months.

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 093 / 2024

Tarikh Ditutup:
25 Februari 2025.
(Selasa)
Jam 2.00 Petang.

Boleh Diperoleh Daripada
Kaunter Unit Tawaran Dan Sebut Harga Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Tempat Tutup
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Basement Two (B2), Bagunan Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Syarikat yang berdaftar dengan
• Kelas 2, 3 atau 4
• Kategori S02

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 086 / 2024

Tajuk Tawaran:
Statewide Comprehensive Monthly Maintenance Of 66kv Substation Equipment for A Three-Years (3) Period

Tarikh Tutup:
25 Februari 2025.
2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
“Tender Box”
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai Pendaftaran Syarikat Dengan Kementerian Pembangunan dalam **Kelas 3, 4 Atau 5 Dan Mempunyai Kategori E01 Dan E03**



JPt / TAW / 20 / 2024-2025:

Membekal Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Bagi Kawasan Dan Bangunan Di Empangan Imang, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Selama 24 Bulan.

Yuran Tawaran :
BND30.00
Borang Tawaran BND15.00

Tarikh Tutup
Sebut Harga :
11 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang,
Selasa.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4,**

Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian:

Sila sertakan salinan “Business Names Enactment, 1958 – Section 16 & 17” dan sijil pendaftaran pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke **Jabatan Perkhidmatan Elektrik.**



Bilangan Tawaran:
JDBM / QSTOR / 01 / 2025

Keterangan Tawaran :
Membekalkan Alat-Alat Pembersih Selama Satu Tahun Bagi Jabatan Daerah Brunei Dan Muara Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup
Tawaran:
Selasa,
11 Februari 2025
Jam 2.00 Petang.



Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **9 Februari 2025.**

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

- 1.Satu (1) Laporan Sulit
 - 2.Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
 - 3.Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan
- Kepada:**
Pejabat Sumber Tenaga Manusia
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link,
Gadong BE1410
Negara Brunei Darussalam [U.P: Bahagian Pengambilan]

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Mahu Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Pembantu Pejabat

Tangga Gaji:
E.1-2-3 EB.4 / F.1-2-3-4-5 EB.6 (BND515-BND875 / BND445-BND790)

Kekosongan:
6 Orang

Menghadapkan Borang Permohonan Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini:
<https://tinyurl.com/PEMBANTU-PEJABATUBD2025>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 9 Februari 2025.

Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:<https://tinyurl.com/PEMBANTU-PEJABATUBD2025>

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (**shortlisted**) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.

Tarikh Iklan:
27 Januari 2025.


**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 39

Tajuk Tawaran:
“Lawatan Suai Kenal Bagi Lawatan Ejen-Ejen Pelancongan Daripada Balikpapan, Indonesia Pada 19 - 22 Februari 2025”

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
6 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 40

Tajuk Tawaran:
“Event Management Services for Brunei Coffee Trail Promotion Event in Miri, Sarawak, Malaysia”

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
6 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / TL / 003
[JPPK / LTK / 22 / 2024]
Proposed Design
and Build Of New
Main Gate Muara
Naval Base

Tarikh Mula Tawaran:
13 Januari 2025.

Kelas:
II dan ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 atau B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua (02) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Hari Selasa, 28 Januari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 Februari 2025.
2.00 Petang.



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
(161) INFO / PK / K / 7
(2024-2025)

Tajuk Sebut Harga :
Baucar Alai Pintar

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Selasa,
11 Februari 2025.
Jam 8.30 Pagi.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2024 /
LOG / TA / 03
Pembelian Kenderaan Medium
Truck Cargo GS 4 Ton

Yuran Tawaran :
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah Selasa, 25 Februari 2025. jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
11 Mac 2025,
Jam 12.00
Tengah Hari.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Tawaran Rancangan
Pemakanan Sekolah
Arab Dan Asrama
Bahagian Penyajian
Makanan Dan Minuman
Secara Berhidang Dan
Bertapau Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / PMM / SMALHB / 04

Keterangan:
Sekolah Menengah
Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah,
Jalan RIPAS

Bayaran Dokumen:
BND1,000.00
(Bayaran Dokumen
tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / PMM / SA SHHB,
RIMBA / 05

Keterangan:
Sekolah Arab Sultan
Haji Hassanal Bolkiah,
Rimba

Bayaran Dokumen:
BND2,000.00
(Bayaran Dokumen
tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / PMM /
SPA BSB / 06

Keterangan:
Sekolah Persediaan
Arab Bandar Seri Begawan,
Jalan RIPAS

Bayaran Dokumen:
BND500.00
(Bayaran Dokumen
tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN HAL EHWA LUAR NEGERI

Jabatan
Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri

Jawatan Kosong Di
OIC General Secretariat In
Jeddah

Jawatan :
Director - Palestine and Al Quds
Affairs Department,
Jeddah, Kingdom Of Saudi Arabia

Tarikh Tutup :

30 Januari 2025.

Untuk makluman,
pemohon-pemohon yang berminat
hendaklah menghadapkan
permohonan dan *curriculum vitae*
melalui e-mel:
vacancy@oic-oci.org



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
28 / NOV / 2024 / KKBS / PJK /
16.80 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (24 Months) For
Cleaning, Housekeeping and
Upkeeping Works at Sinarubai
Storage Area, Ministry of Culture,
Youth and Sports, Negara Brunei
Darussalam (Requotation)

Bilangan Sebut Harga:
27 / NOV / 2024 / KKBS /
PJK / 16.80

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (24 Months) For
Grass Cutting and Tree Cutting
Works at Sinarubai Storage Area,
Ministry of Culture, Youth and
Sports, Negara Brunei
Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
6 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang,
Khamis.



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
06 / KKBS / HK41-2025

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Air Minuman
Bagi Peserta Dan
Jawatankuasa-Jawatankuasa
Bagi Upacara Sambutan
Hari Kebangsaan Ke-41,
Negara Brunei Darussalam

Supply Mineral Water
For Participants And Committees
For The 41st National Day
Celebration Ceremony,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup
Sebut Harga :
6 Februari 2025
Jam 2.00 Petang,
Khamis.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

BANTU MENINGKATKAN PENGETAHUAN JEMAAH HAJI

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Kursus Ibadat Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi sesi ketiga diteruskan, baru-baru ini.

Kursus berkenaan diadakan secara serentak di pusat-pusat kursus yang terpilih di keempat-empat daerah bermula pada 17 Januari lalu dan berakhir pada 16 Februari 2025.

Sebanyak 10 sesi akan dijalankan pada setiap Jumaat dan Ahad dari jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi di tujuh buah pusat kursus yang terpilih di keempat-empat daerah bagi iaitu empat buah di Daerah Brunei dan Muara iaitu Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut; Sekolah Ugama Lambak Kanan, Jalan 1, Kampung

Perpindahan Lambak Kanan; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas dan Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar.

Manakala bagi Daerah Belait pula, pusat kursus adalah di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien.

Sementara di Daerah Tutong, pusat kursus adalah di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, manakala di Daerah Temburong pula bertempat di Sekolah Arab Temburong.

Lokasi kursus yang menjadi tumpuan Pelita Brunei pada hari ini bagi membuat tinjauan suasana kursus dijalankan ialah di Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar.

Kursus dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji (JUH) melalui

Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446H / 2025M.

Kursus Ibadat Haji dan Umrah diadakan untuk membantu bakal jemaah haji mempelajari, memahami dan meningkatkan pengetahuan mengenai Manasik Haji secara teori dan praktikal agar bakal jemaah dapat melaksanakan ibadat haji dengan teratur dan sempurna serta menyelaras dan menyeragamkan hukum-hakam berkaitan ilmu Manasik Haji, umrah dan ziarah.

Selain itu, kursus juga antara lain bertujuan untuk memberikan gambaran keadaan terkini di Tanah Suci melalui video klip dan gambar-gambar dikongsikan oleh para pengkursus seperti Masjidilharam di Mekah, Masjid Nabawi di Madinah, Padang Arafah dan Mina.

Kursus berkenaan disampaikan oleh para pengkursus ibadat haji dan umrah yang dilantik daripada guru ugama terlatih dan pegawai pelajaran, Jabatan Pengajian Islam; pensyarah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), pegawai-pegawai dan imam-imam dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, para pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Pusat Da'wah Islamiah serta Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bersara dan mempunyai Sijil Tauliah dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Semua bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadat haji bagi Tahun 1446H / 2025M adalah dikehendaki mengikuti kursus-kursus ibadat haji yang telah diaturkan di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

Kursus berkenaan diharap dapat membekalkan bakal jemaah haji dengan ilmu manasik haji dan



SEKITAR Kursus Ibadat Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi sesi ketiga (atas, kiri dan bawah).

umrah secara betul, teratur dan sempurna dan seterusnya dapat membantu para jemaah mencapai dan mendapat haji yang mabruk.

Bakal jemaah haji juga disarankan untuk mengambil maklum dan perhatian serta

mematuhi apa juar dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkenaan khususnya Kerajaan Arab Saudi.

Kursus bagi sesi keempat akan diteruskan pada Ahad, 26 Januari 2025.



Ambil langkah waspada ketika banjir

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Berikut dengan kejadian hujan lebat dan risiko banjir pada masa ini, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai terutama sekali yang tinggal di kawasan yang terjejas dan dilanda banjir untuk mengambil langkah-langkah berwaspada bagi mencegah dan menghindarkan sebarang kemalangan, kecederaan dan kemungkinan berlakunya penyakit-penyakit berjangkit bawaan makanan dan air seperti cirit-birit, keracunan makanan dan penyakit-penyakit

bawaan vektor seperti demam dengegi.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil ketika musim hujan, dan jika berlakunya banjir termasuklah memastikan bekalan air adalah bersih dan tidak tercemar, memastikan air minum dimasak terlebih dahulu atau meminum air botol, memasak semua makanan dengan sempurna, mengutamakan kebersihan diri khususnya membasuh tangan dengan air bersih dan sabun selepas menggunakan tandas, dan menjaga kebersihan persekitaran

tempat tinggal dan kawasan yang berdekatan dan tidak membuang sampah merata-rata, serta memastikan saliran air supaya tidak tersumbat oleh sampah sarap, lumpur danahan-dahan pokok.

Selain itu, mendapatkan rawatan jika mengalami penyakit seperti demam panas, sakit perut, cirit-birit, muntah dan lain-lain, mengutamakan keselamatan khususnya kanak-kanak agar tidak terdedah kepada air banjir bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini seperti lemas, kecederaan serta jangkitan penyakit; dan mengelakkan daripada menyentuh dawai elektrik yang jatuh berdekatan air banjir.

Bagi mereka yang mempunyai luka-luka dan penyakit kulit ataupun yang mempunyai masalah kesihatan kronik, terutama sekali kencing manis seboleh-bolehnya untuk mengelakkan daripada terkena air banjir kerana air banjir yang kotor boleh menyebabkan jangkitan.

Walau bagaimanapun, jika mengalami kecederaan kecil yang terdedah kepada air banjir, adalah dinasihatkan supaya memastikan luka-luka berkenaan dibersihkan dan mendapatkan rawatan di pusat-pusat kesihatan yang berdekatan, dan bagi



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBASAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

pesakit-pesakit yang menghidap penyakit kronik, hendaklah memastikan mempunyai bekalan ubat yang mencukupi dan jika kekurangan bekalan adalah

dinasihatkan untuk menghubungi pusat-pusat kesihatan yang berdekatan untuk mendapatkan bantuan bekalan ubat.

Di samping itu, mengambil langkah berjaga-jaga terhadap serangan daripada binatang-binatang liar semasa banjir terutamanya ular dan buaya; dan memastikan tidak ada takungan air yang boleh menjadi tempat

pembiasaan nyamuk.

Semasa musim Monsun Timur Laut dan apabila berlakunya banjir, orang ramai juga adalah diperingatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan diri dan mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing.

Untuk maklumat terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn, ikuti sosial media rasmi kementerian di [@mohbrunei](https://www.facebook.com/mohbrunei) atau hubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

IMBASAN MINGGUAN



PELAJAR-pelajar baharu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Sesi Pengajian 1446 Hijrah/2025 Masihi ketika membacakan ikrar pada majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah ITQSHHB, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

'ASEAN Campus Joint Laboratory' antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan The University of Osaka di Pusat Makmal Saintifik Ibnu Sina, UNISSA, Kampus Sinaut ditubuhkan untuk menguruskan aktiviti 'Joint Campus' Osaka University-UNISSA sebagai sebahagian daripada 'Osaka University ASEAN Campus Project'. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



SEORANG penduduk ketika mengundi calon tunggal yang layak dibawa bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B' pada majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

SEKITAR Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23 di Padang Kawad Akademi Pertahanan (AP), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kampung Tanah Jambu. - Foto : Haji Ariffin Mohd.Noor/Morshidi.



SEBAHAGIAN penyokong yang hadir menyaksikan siri perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) Musim 2024/2025 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas antara Brunei DPMM FC menentang Geylang International FC. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

AKSI pemain-pemain yang mewakili kementerian masing-masing semasa Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31, Tahun 2024. - Foto : Azmah Haji Ahad.

MENINGKATKAN KAPASITI PENGUATKUASAAN TERHADAP JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



SUASANA sesi latihan bagi Kursus Penguatuasaan Pemerdagangan Orang kepada agensi-agensi penguatuasaan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Pegawai dan anggota-anggota dari Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM), Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memberikan latihan bagi Kursus Penguatuasaan Pemerdagangan

Orang kepada agensi-agensi penguatuasaan yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Antara objektif latihan ini adalah untuk meningkatkan pelaksanaan kursus latihan penguatuasaan dengan kerjasama pelbagai agensi



berkepentingan bagi meningkatkan lagi daya kapasiti penguatuasaan di KHEDN khususnya dalam isu-isu jenayah pemerdagangan orang.

Latihan tersebut diikuti oleh beberapa agensi penguatuasaan undang-undang seperti daripada Jabatan Buruh, dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran

Kebangsaan.

Tujuan latihan tersebut diadakan ialah untuk mengenal pasti dan memahami elemen serta petunjuk jenayah pemerdagangan orang,

termasuk eksplorasi melalui paksaan, penipuan, atau penyalahgunaan kuasa seperti perhambaan seksual, pelacuran,

buruh paksa dan penjualan organ.

Pesalah boleh didakwa di bawah Seksyen 5(1) dan Seksyen 6 Akta Anti-Pemerdagangan Orang Penggal 230 dengan hukuman berupa denda sehingga BND1,000,000, penjara empat hingga 30 tahun dan juga sebatan.

2Bn TDDB bantu penduduk kampung terjejas banjir



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

TUTONG, Ahad, 26 Januari. - Platun Civil-Military Coordination (CIMIC) dari Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei (2Bn TDDB) telah dikerahkan untuk membantu penduduk kampung yang terjejas akibat banjir baru-baru ini di Daerah Tutong, dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bencana Daerah Tutong (DDMC).

Sebuah pasukan yang terdiri daripada 19 anggota dari 2Bn TDDB dikerahkan untuk memberikan bantuan pengangkutan kepada penduduk-penduduk kampung yang terjejas menggunakan kenderaan jenis trak 4 tan untuk menavigasi kawasan yang dilanda banjir bermula dari persimpangan empat Jalan Panchong hingga Simpang Tiga Kampung Kuala Ungar, Daerah Tutong.


Bantuan pemindahan penduduk - penduduk kampung yang terkandas akibat jalan yang ditenggelami air bermula pada petang Sabtu, dalam memastikan mereka sampai ke destinasi yang dituju dengan selamat.

Keadaan hujan lebat selama beberapa hari telah mengakibatkan banjir teruk di kawasan rendah,

menjadikan beberapa rumah kediaman dan sebahagian penghubung jalan raya yang menjadi laluan utama penduduk kampung tidak dapat dilalui.

Dalam menghadapi keadaan cuaca yang aktif dan tidak menentu, TDDB tetap komited dan sentiasa bersiap siaga untuk memberikan bantuan bencana kepada masyarakat awam di keempat-empat daerah.

TDDB juga akan terus bekerjasama dengan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) serta agensi-agensi berkaitan dalam mendukung Pendekatan Senegara (Whole-of-Nation Approach) dalam respons bencana.



PLATUN Civil-Military Coordination (CIMIC) dari Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei (2Bn TDDB) semasa memberi bantuan kepada penduduk kampung yang terjejas akibat banjir di Daerah Tutong dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bencana Daerah Tutong (DDMC) (atas kiri, atas kanan dan kanan).

SEMAI SEMANGAT PATRIOTISME PELAJAR



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Dalam usaha untuk menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri hari ini meneruskan Program Taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' di Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri, Jangsak.

Taklimat Kenegaraan yang

ANTARA penuntut yang menyertai Kuiz Kenegaraan.

SUASANA pada Program Taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri, Jangsak (atas dan atas kiri).

dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, itu disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Awang Mohammad Khaddir Shah bin Haji Abdul Halim.

Seramai 33 penuntut Tahun 7 menghadiri sesi taklimat yang diadakan di Dewan Puteri, sekolah berkenaan.

Turut hadir ialah Pengetua Sekolah, Dayang Dalilah Syazwi @ Dalilah Farzana binti Haji Laidin dan para tenaga pengajar.

Antara pengisian taklimat yang

disampaikan ialah mengenai raja, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan yang juga dihasrat akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Taklimat Kenegaraan perkukuh semangat solidariti, patriotik

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

TEMBURONG, Sabtu, 25 Januari. - Seramai 55 penuntut Sekolah Arab, Temburong dari Tahun 5 hingga 8 menghadiri Program Taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' di dewan sekolah berkenaan, hari ini.

Program tersebut dianjurkan

oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dikendalikan oleh Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Cawangan Daerah.

Turut hadir, Guru Besar Sekolah Arab, Temburong, Dayang Serikartini binti Haji Omar, serta para tenaga pengajar.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Cawangan Daerah Temburong, Dayang Izzah Hazirah binti Haji Adi Othman.

Taklimat antara lain mengongsikan mengenai raja, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan

Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Ia juga dihasrat akan

dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



SESI bergambar ramai pada Program Taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' yang berlangsung di Dewan Sekolah Arab, Temburong (atas). Manakala gambar kanan, antara penuntut yang menyertai Kuiz Kenegaraan.



TAKLIMAT disampaikan oleh Ketua Cawangan Daerah Temburong, Dayang Izzah Hazirah binti Haji Adi Othman (atas).



YEAB-YEGAP MEMETERAI KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Usahawan Muda Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB) dan Kumpulan Usahawan Muda Asia Pasifik (Young Entrepreneurs Group of Asia Pacific - YEGAP) secara rasmi memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) untuk mengukuhkan kerjasama dan memberdayakan usahawan muda di seluruh rantau ini.

Majlis Menandatangani MoA berkenaan diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom pada Rabu, 22 Januari 2025, menandakan pencapaian penting dalam memupuk kerjasama merentas sempadan dan pembangunan keusahawanan.

MoA berkenaan ditandatangani oleh Presiden YEAB, Goh Chai Li dan Pengurus YEGAP, Hiromi Aoki, yang melambangkan komitmen bersama kedua-dua organisasi untuk memudahkan kerjasama, mempromosi keusahawanan, memupuk inovasi dan menyediakan peluang untuk

pembangunan serta pertumbuhan usahawan muda di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rantau Asia Pasifik.

Majlis berkenaan dimulakan dengan ucapan selamat datang dan pengiktirafan kehadiran peserta oleh Moderator, diikuti dengan pengenalan ringkas mengenai YEAB dan YEGAP oleh wakil daripada setiap organisasi.

Majlis berkenaan disaksikan oleh Pengarah Besar Confederation of Asia-Pacific Chambers of Commerce and Industry (CACCI), Dr. Darson Chiu, yang juga bekas Pengurus YEGAP dan Ahli Majlis Penasihat YEGAP, Rommel Gerodias, Pegawai Kanan CACCI, Abby Moreno dan Teresa Liu; dan Setiausaha YEAB, Hamimi.

Kehadiran mereka menggariskan kepentingan kerjasama berkenaan serta potensinya untuk memupuk inovasi dan kerjasama di seluruh rantau Asia Pasifik.

Majlis berkenaan diteruskan

dengan ucapan daripada saksi dan pemerhati, yang menyuarakan optimisme tentang potensi kerjasama berkenaan untuk memacu inovasi dan pertumbuhan dalam ekosistem keusahawanan di NBD dan rantau Asia Pasifik.

Hiromi Aoki menyuarakan harapan dan jangkaannya agar usahawan muda dari NBD akan secara aktif terlibat dalam YEGAP dan mengambil peranan kepimpinan dalam organisasi berkenaan pada masa hadapan.

Sorotan acara berkenaan adalah ketika Goh Chai Li dan Hiromi Aoki memperlihatkan dokumen yang telah ditandatangani, melambangkan permulaan rasmi kerjasama yang menjanjikan berkenaan.

Majlis berkenaan berakhir dengan sesi bergambar bersama, merakamkan semangat perpaduan dan tujuan bersama dalam kalangan peserta.

Kerjasama antara YEAB dan YEGAP berkenaan menekankan dedikasi bersama mereka dalam memberdayakan usahawan muda,



SESI bergambar bersama, merakamkan semangat perpaduan dan tujuan bersama dalam kalangan peserta.

mempupuk kerjasama, dan memacu pembangunan mampu merentas sempadan.

Kedua-dua organisasi berkenaan berharap akan dapat melaksana pelbagai inisiatif yang

akan menyediakan sumber daya yang bernilai, peluang jaringan, dan sokongan untuk usahawan muda bagi memastikan kejayaan mereka.

Bersama menggerakkan, menjayakan aktiviti kampung



SESI Muzakarah yang diadakan di kediaman Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad (kiri dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Awang Faidil Rosemady Mohamad

MENTIRI, Sabtu, 25 Januari. - Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad menekankan bahawa dengan adanya penubuhan Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Majlis Perundingan Kampung (MPK) di bawah tadbirannya adalah untuk sama-sama berganding bahu dan bekerjasama dalam menggerakkan dan menjayakan dengan sempurna segala apa juu aktiviti atau program kampung.

Apa juu perancangan aktiviti atau program yang diselenggarakan adalah bertujuan untuk memupuk dan mengeratkan ikatan silaturahim selain segala perihal permasalahan kampung bolehlah diatasi menerusi bergotong-royong serta bersatu hati tidak membezakan atau berpuak-puak khususnya para penduduk dalam tadbiran Kawasan 4. Justeru, katanya, tema MPK mereka iaitu 3B, 'Berserumpun, Bersepakat Membawa Berkat' untuk sentiasa dipraktikkan oleh para penduduk tersebut.

Pada Sesi Muzakarah yang

diadakan di kediamannya baru-baru ini, Awang Faidil Rosemady merafakkan rasa kesyukuran serta penghargaan dengan adanya penubuhan AJK MPK sejak bulan Februari tahun lalu dan seramai 25 orang ahli telah dilantik dengan tugas dan peranan masing-masing.

Tambahnya, lantikan itu adalah dalam tempoh selama lima tahun dan mengharapkan mereka akan terus komited dalam sama-sama memajukan kampung dan juga penduduknya.

Pelbagai rancangan akan diungkayahkan termasuk dari segi perekonomian, riadah, kebajikan masyarakat serta keagamaan antaranya Kelas Dikir, Tausyeh dan Hadrah bagi para belia dan belianwis, Bengkel Menghalusi Bacaan Surah-surah Al-Quran, menghalusi Bab Sembahyang dan Toharah selain dari mengadakan Pertandingan Azan dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim.

Setentunya apa yang diharapkan agar MPK ini terus maju ke depan dan bersatu hati bersama dengan warga penduduk kampung khusus Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, Mukim Mentiri.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Perpaduan Kunci Pembangunan'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2025
- 'Kesan Media Sosial Kepada Kanak-Kanak'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2025
- 'Muhasabah Diri Amalan Terpuji'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Pek hidangan tradisi sedia dimakan

Oleh : Marlinaawaty Hussian
Foto : Ihsan NES's Kitchen

DAGING lalap merupakan hidangan tradisional tempatan yang digemari oleh penduduk di negara ini dari pelbagai lapisan masyarakat.

Dari segi penyediaan, proses melalap daging seberat 10 kilogram dengan hanya menggunakan kayu boleh mengambil masa sehingga dua hingga tiga jam.

NES's Kitchen antara perusahaan makanan tempatan yang masih mengekalkan cara melalap tradisi bagi mengekalkan keenakan hidangan berkenaan.

Perusahaan tersebut menawarkan produk daging lalap sedia dimakan (*ready to eat*) dengan tekstur yang lembut dan lebih berjus.

Pengasas bersama NES's Kitchen, Karono bin Jatin berkata, pihaknya sentiasa berusaha untuk mengekalkan rasa daging lalap yang konsisten dan mempunyai corak resipi tersendiri.

"Buat masa ini, terdapat dua produk daging lalap yang kami jual iaitu daging lalap kering dan daging lalap berkuah dengan aroma berasap serta secukup rasa yang menjadikan hidangan berkenaan lebih menyelerakan."

"Daging lalap kering yang kami jual merupakan daging yang telah dicampur dengan bahan-bahan menggunakan resipi kami sendiri dan dilalap dengan menggunakan kayu tanpa minyak."

"Manakala, produk Daging Lalap Bekuah ialah daging lalap kering yang telah ditambah dengan sos sambal pedas, juga

menggunakan resipi kami sendiri," katanya kepada Pelita Brunei.

Pemuda asal Daerah Tutong ini menambah, resipi dan teknik melalap daging tersebut diperoleh turun temurun daripada nenek, kemudian ibu serta kakaknya dan diubah suai mengikut cita rasa tersendiri.

Walau bagaimanapun, mereka masih mengekalkan teknik lama melalap dengan menggunakan kayu api kerana rasa masakannya yang sangat berbeza dan lazat.

Menyentuh mengenai perusahaan berkenaan, beliau menjelaskan, nama 'NES' merupakan gabungan daripada huruf awal tiga adik beradik perempuan iaitu Allahyarham Noria, Effa, dan Allahyarham Syiqah yang merupakan tulang belakang perniagaan tersebut.

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perniagaan, pihak NES's Kitchen aktif mengikuti kursus berkaitan masakan, kebersihan, dan pengurusan kewangan, serta pelbagai kursus lain yang dikendalikan oleh DARE antaranya 'Academy for Women Entrepreneurs'.

"Dengan visi bersama dan komitmen terhadap kualiti, kami mulakan misi untuk menghasilkan hidangan tradisi Brunei yang lazat, dengan produk pertama kami, iaitu 'Daging Masak Hitam' yang digemari ramai bermula pada tahun 2020 semasa penularan pandemik COVID-19."

"Cabar pandemik telah memberikan kami inspirasi untuk menghasilkan produk sedia dimakan, membawa rasa masakan rumah kepada mereka yang memerlukan hidangan yang mudah dan

berkualiti.

"Pada peringkat awal, kami mencuba pelbagai jenis pembungkusan, bermula dengan menggunakan botol untuk memastikan produk kami hasilkan lebih tahun dan segar.

"Melalui penyelidikan yang teliti dan dedikasi, kami akhirnya beralih kepada pembungkusan menggunakan pek pada tahun 2022 bagi meningkatkan kemudahan dan persemaian produk kami," katanya.

NES's Kitchen menawarkan tiga hidangan tradisi Brunei dalam pek sedia dimakan, termasuk Daging Masak Hitam seberat 200 gram, Daging Lalap Kering, 100 gram; dan Daging Lalap Bekuah, 150 gram serta Sambal Pedas.

"Kami tetap memfokuskan pada menyajikan rasa tradisi sentuhan moden, dengan memastikan setiap hidangan menggambarkan kekayaan warisan kulinari Brunei.

"Tujuan kami memilih daging masakan tradisi sebagai produk adalah bagi mengekalkan sajian warisan tempatan memandangkan proses penyediaannya mengambil masa yang agak lama.

"Sebagai contoh, daging masak hitam lazimnya cuma dihidangkan pada masa-masa tertentu seperti majlis perkahwinan dan Hari Raya Aidilfitri."

"Dengan adanya produk sedia dimakan ini, ia memudahkan para pelanggan untuk menyediakan sendiri hidangan ini menerusi tiga langkah iaitu koyakkan bungkus, panaskan hidangan dalam masa tiga hingga lima minit, kemudian hidangkan dan ia sedia untuk dinikmati," jelas beliau.

Bagi memenuhi permintaan pelanggan, NES's Kitchen menghasilkan sebanyak 35 hingga 40 pek Daging Lalap Kering serta berkuah; dan 50 pek Daging Masak Hitam dalam masa seminggu.

"Alhamdulillah, sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan."

"Ramai pelanggan kami juga menghantar produk NES's Kitchen kepada ahli keluarga mereka yang bertugas dan belajar di luar negara atau membawanya semasa bercuti termasuk ke Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, United Kingdom, Malaysia dan Singapura, juga semasa menuaikan ibadah Haji dan Umrah."

"Terdapat pelanggan yang menjadikan produk kami sebagai hadiah cenderahati dari Negara Brunei Darussalam," katanya.

Kartono turut menzahirkan harapan agar NES's Kitchen dapat menjadi penyedia utama hidangan tradisi Brunei yang autentik, dengan menawarkan makanan sedia dimakan yang lazat dan membawa keunikan tradisi kulinari Brunei ke setiap meja, sama ada di dalam mahupun luar negara, di samping membantu meningkatkan ekonomi negara.

"Besarlah harapan saya agar orang ramai dapat menyokong produk tempatan kitani Brunei Darussalam".

Produk NES's Kitchen boleh diperolehi di Bruneian Made Hub di The Mall Gadong, Gmart Convenient Store The One dan Gmart Convenient Store BSRC Panaga Seria.

Orang ramai juga boleh membeli produk ini melalui media sosial di Facebook dan Instagram @foodparadisebn, atau menghubungi talian +673 7175520.



CSB BERJAYA MENYELESAIKAN AUDIT PERALIHAN ISO/IEC 27001:2022



ANTARA yang menyertai dalam kejayaan peralihan dari Piawaian ISO/IEC 27001:2013 kepada ISO/IEC 27001:2022 yang berlangsung di Ibu Pejabat Cyber Security Brunei.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Cyber Security Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Cyber Security Brunei (CSB) dengan bangganya mengumumkan kejayaan peralihan dari Piawaian ISO/IEC 27001 : 2013 kepada ISO/IEC

27001 : 2022 menunjukkan komitmennya untuk mengekalkan amalan keselamatan maklumat bertaraf dunia, baru-baru ini.

Cyber Security Malaysia telah

menjalankan Audit Pengawasan 2 dan Peralihan dari 3 hingga 5 Disember 2024 di Ibu Pejabat CSB menilai pematuhan terhadap piawaian terkini.

Audit tersebut merangkumi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) yang

dikendalikan oleh IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS) serta perkhidmatan utama CSB iaitu Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Brunei (BruCERT), Makmal Forensik Digital Kebangsaan, dan Pusat Pemantauan Siber.

Entiti - entiti ini memainkan peranan penting dalam menyelaraskan usaha keselamatan siber, memudahkan siasatan forensik digital dan memantau infrastruktur maklumat kritis (CII) daripada ancaman siber.

Peralihan CSB kepada ISO/IEC 27001:2022 melibatkan kawalan terkini seperti Perisikan Ancaman (Threat Intelligence), Kesediaan ICT untuk Kesinambungan Perniagaan

dan Pengkodan Selamat. Kawalan ini telah disusun semula kepada empat kategori iaitu organisasi, individu, fizikal dan teknologi.

Jumlah kawalan dikurangkan daripada 114 kepada 93, bagi mempermudah proses, meningkatkan daya tahan keselamatan siber dan menyelaraskan dengan piawaian antarabangsa yang sedang berkembang.

Kejayaan penyelesaian audit ini membawa kepada pengeluaran Sijil ISO/IEC 27001:2022 pada 16 Januari 2025. Pencapaian ini mengukuhkan peranan CSB dalam mencipta ruang siber yang lebih selamat dan memajukan visi Negara Brunei Darussalam ke arah sebuah Negara Pintar yang terhubung.

Webinar tekan kepentingan prinsip ESG



SEBAHAGIAN peserta yang hadir dalam webinar yang dianjurkan oleh Akademi Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Sdn. Bhd., dengan kerjasama Steven Thiru & Sudhar Partnership.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Akademi Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Sdn. Bhd., dengan kerjasama Steven Thiru & Sudhar Partnership telah menganjurkan Webinar bertajuk 'Planet v. Profit : Environmental Social & Governance (ESG) Compliance & the Upward Trend of ESG Related Disputes', baru-baru ini.

Acara tersebut, yang dipimpin oleh pakar ESG, David Dinesh Mathew, memberi tumpuan kepada kepentingan yang semakin meningkat terhadap peraturan ESG serta risiko undang-undang

yang dikaitkan dengan ketidakpatuhan.

Ketika syarikat-syarikat menghadapi tekanan yang semakin meningkat untuk mematuhi prinsip ESG, sesi ini meneroka kesan kegagalan memenuhi standard tersebut, terutamanya di wilayah seperti Eropah, Australia dan New Zealand, di mana litigasi berkaitan ESG semakin meningkat.

Webinar tersebut, yang diadakan melalui Zoom, menyediakan pandangan berharga mengenai aplikasi global peraturan ESG, membantu para profesional

untuk sentiasa berada di hadapan dalam landskap pematuhan yang sentiasa berubah.

Seramai 36 peserta telah mengambil bahagian dalam acara tersebut, menyertai perbincangan dan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai cabaran pematuhan ESG.

Inisiatif pendidikan oleh PUJA, iaitu badan profesional utama di Negara Brunei Darussalam dalam bidang kejuruteraan, ukur bahan, dan seni bina, mencerminkan komitmennya untuk melengkapkan para profesional dengan pengetahuan yang diperlukan untuk mengarungi trend dan cabaran industri global.

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

 NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

KONGSI PELAKSANAAN PERUNDANGAN KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Sekolah Petrokimia, Politeknik Brunei baru-baru ini menganjurkan satu seminar yang penuh maklumat bertajuk 'Workplace Safety and Health Legislation in Brunei Darussalam - Oil and Gas Industries'.

Acara berkenaan diadakan di Dewan Kuliah di Kampus Lumut Politeknik Brunei dan dihadiri seramai 84 pelajar serta menampilkan para penceramah pakar dari Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), iaitu badan berkuaasa di Negara Brunei Darussalam mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Seminar berkenaan disasarkan kepada pelajar dari pengambilan 12 dan pengambilan 13 yang mengikuti program Diploma seperti Kejuruteraan Kimia, Teknologi Peralatan Kimia, Loji Kuasa dan Sistem Tenaga, Teknologi Loji Tenaga Termal, serta Teknologi Penyimpanan dan Pengangkutan.

Objektif seminar berkenaan adalah untuk memberi pengetahuan yang menyeluruh



SESI seminar yang bertajuk 'Workplace Safety and Health Legislation in Brunei Darussalam - Oil and Gas Industries' diadakan di Dewan Kuliah di Kampus Lumut Politeknik Brunei.

kepada pelajar mengenai pelaksanaan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, khususnya dalam industri minyak dan gas di samping mendidik pelajar mengenai amalan terbaik dalam industri untuk keselamatan dan kesihatan, dengan memberi penekanan kepada rangka kerja Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE).

Penceramah dari SHENA berkongsi kepakaran mereka mengenai Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009, serta menekankan strategi praktikal untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan keselamatan.

Mereka juga menerangkan mengenai amalan terbaik untuk memupuk budaya keselamatan di tempat kerja industri, terutamanya dalam sektor minyak dan gas.

Seminar berkenaan juga menyertakan aktiviti interaktif yang membolehkan pelajar terlibat secara aktif.

Aktiviti berkenaan memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam senario dunia sebenar, sekali gus memupuk kemahiran berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah.

Seminar berkenaan bertujuan untuk menjadi jambatan antara pembelajaran akademik dan jangkaan industri, membekalkan pelajar dengan kemahiran dan kesedaran yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan tempat kerja yang fokus kepada keselamatan.

ANTARA penceramah dari SHENA ketika menyampaikan pembentangannya (atas kiri dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei



2 syarikat, 2 individu dikenakan kompaun

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara



ANTARA kesalahan yang didapati oleh Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (kiri, kanan dan bawah kanan).



berjumlah BND100.

Jika gagal melunaskan denda, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND9,000 bagi individu dan tidak melebihi BND30,000 bagi syarikat atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak JDBM juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp +673 8321581.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Januari. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) telah mengeluarkan kompaun ke atas dua buah syarikat dan dua orang individu kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Syarikat Restoran Seri Mama Express telah didenda kompaun berjumlah BND500 dan Syarikat Restoran Haji K.K. Koya dan Anak-anak telah didenda kompaun berjumlah BND1,000. Sementara itu, dua individu iaitu Taufik dan Shavanas Muhammed Ayoob, masing-masing telah dikenakan denda kompaun



ePaper Pelita Brunei



BRUNEI DPMM FC TERLEPAS 3 MATA BERHARGA

AKSI para pemain pada perlawanan di antara Brunei DPMM FC dengan Tanjong Pagar United FC.

REPUBLIK SINGAPURA, Ahad, 26 Januari. - Harapan Brunei DPMM FC untuk meraih tiga mata penuh tidak kesampaian apabila tewas kepada Tanjong Pagar United FC, dengan keputusan 3 - 0 pada saingan Liga Perdana Singapura (SPL) musim 2024/2025, yang berlangsung di Stadium Jurong East, di sini.

Skuad kendalian Nor Alam Shah membuka tirai jaringan perlawanan pada minit ke-21 apabila Muhammad Syahdat Masnawi, yang menerima hantaran dari rakannya, Salif Cisse berjaya menjaringkan gol dengan mengelecek penjaga gawang Brunei DPMM FC dan akhirnya dengan mudah memasukkan bola ke gawang.

Beberapa siri serangan awal skuad Brunei DPMM FC hampir menerjah gawang pihak lawan, namun kebanyakannya tersasar.

Permainan terus rancak dengan Brunei DPMM FC dan Tanjong Pagar United FC saling berbalas serangan dalam usaha memburu gol kemenangan, namun tiada jaringan berjaya diciptakan sehingga wisel penamat separuh masa pertama dibunyikan.

Namun, pertemuan semakin sengit pada babak kedua apabila skuad kendalian



Jamie Mcallister baharu menemui rentak sebenar dengan serangan-serangan pantas sehingga Kapten Brunei DPMM FC, Azwan Ali Rahman hampir sahaja menyamakan kedudukan pada minit ke-64 namun sepakkannya tersasar di luar pintu gawang.

Tanjong Pagar United FC terus menguasai permainan dengan beberapa kali percubaan dilakukan untuk menambah jaringan sekali gus memberi tekanan kepada pemain Brunei DPMM FC dan akhirnya gol kedua berjaya dihasilkan melalui Salif Cisse pada minit ke-79.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League

Permainan semakin rancak dengan kedua-dua pasukan saling mengasak pada masa tambahan dan tidak dilepaskan oleh Tanjong Pagar United FC untuk menjaringkan gol kemenangan melalui Mohamed Izrafil Mohamed Yusof pada minit-minit akhir sebelum tamat perlawanan, sekali gus memastikan tiga mata penuh milik pasukannya.

Sementara itu, satu lagi perlawanan SPL

malam ini menyaksikan Lion City Sailors FC meraih tiga mata penuh selepas mencatatkan kemenangan tipis, 2 - 1 setelah menewaskan Geylang International FC, di Stadium Jalan Besar.

Perlawan Brunei DPMM FC seterusnya berdepan Balestier Khalsa FC di laman sendiri, iaitu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 7 Februari 2025 nanti.

Program Teambuilding PIP : Gilap potensi pemain muda



PARA pemain semasa menghadiri Program 'Teambuilding' Projek Ikan Pusu (Futsal) 2025 dan turut menyertai latihan yang diajarkan oleh jurulatih bertauliah dari Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) dan Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) (kiri dan kanan).

■ Berita dan Foto : Ihsan Yakin Football League

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Januari. - Program 'Teambuilding' Projek Ikan Pusu (Futsal) 2025 memberi peluang kepada para pemain di bawah projek berkenaan untuk merapatkan hubungan dan meningkatkan kemahiran.

Teambuilding yang disertai oleh para pemain yang berumur di antara lima hingga 16 tahun berkenaan merupakan aktiviti tahunan Projek Ikan Pusu (PIP) sejak ia

ditubuhkan pada 2001 lalu.

"Kami ingin setiap anak-anak mendapat peluang mempelajari asas bola sepak dan futsal yang diajarkan oleh jurulatih bertauliah dari Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) dan Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA)," jelas ketua jurulatih PIP, Awang Haji Omar bin Haji Jamil.

Ketua jurulatih PIP seterusnya berkata PIP berkenaan memastikan setiap

kanak-kanak mempelajari asas bola sepak dan futsal dengan secara sistematis dan saintifik.

"PIP adalah perintis program akar umbi di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang paling berjaya kerana sepanjang tahun, kami konsisten berada di puncak dalam kejohanan bola sepak dan futsal junior di negara ini."

"Kami percaya dengan konsep PIP menjadikan satu pasukan NBD bukan hanya terdiri daripada kanak-kanak yang aktif

bermain, tetapi melibatkan semua orang di NBD yang melibatkan satu keluarga yang membentuk satu pasukan yang erat," ujarnya lagi.

Program yang mendapat sokongan daripada Yakin Football League dan disertai hampir 100 pemain berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Matlamat PIP adalah untuk membantu keduukan NBD meningkat dalam ranking dunia FIFA.